

FUNCTUS OFFICIO: SEMPADAN “TERPAKAI” DAN “TIDAK TERPAKAI”

Abdul Aziz Hussin
abdaziz@usm.my

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Salah satu aspek penting dalam pengurusan undang-undang adalah berkaitan dengan “keputusan”. Sesuatu keputusan akan menetapkan hala tuju berkaitan tindakan yang akan diambil, termasuk dalam membuat rayuan. Makalah ini membincangkan kemuktamadan sesuatu keputusan yang membawa kepada persoalan utama perbincangan, iaitu “*functus officio*”. Untuk tujuan itu, makalah ini membincangkan aspek “*functus officio*” dari segi konsep, pemakaian (termasuk pemakaian dalam bidang khusus), implikasi, serta pengecualiannya.

Kata kunci: *functus officio*, keputusan, terpakai, tidak terpakai

Abstract

One of the most important aspects in legal management is related to “decision”. Decision will lead the mission in matters related to actions to be taken, including in deciding appeal. This article discusses the finality of a decision which leads to a paramount discussion, that is “functus officio”. For that purpose, this article will discuss the “functus officio” aspect from its concept, application (including its application in specific areas), implication, and its exceptions.

Keywords: functus officio, decision, adopted, not adopted

PENDAHULUAN

Salah satu perkataan atau rangkaian kata yang masih banyak digunakan dalam ilmu pengurusan dan juga undang-undang ialah *functus officio*. Istilah ini berkaitan rapat dengan sesuatu keputusan yang mempunyai implikasi undang-undang yang dibuat oleh pihak atau badan yang mempunyai kuasa undang-undang atau separa undang-undang. *Functus officio* ini berkaitan rapat dengan kesan keputusan tersebut dan tindakan susulannya, termasuk hak dan kewajipan yang berbangkit daripadanya.

Makalah ini akan membincangkan pelbagai jurus yang berkaitan dengan *functus officio* termasuk takrif dan konsepnya, prinsip, pemakaian dan implikasi daripadanya, serta pengecualian yang wujud. Salah satu aplikasi *functus officio* mempunyai kaitan dengan hak keadilan asasi. Namun begitu, didapati hal ini jarang diperkatakan dan diujahkan, terutamanya dalam kes melibatkan keputusan pihak separa kehakiman.

TAKRIF DAN KONSEP

Ungkapan *functus officio* merupakan ungkapan yang asalnya daripada bahasa latin. “Functus” secara harfiahnya bermaksud “keluar” atau “terlaksana” atau “telah dilaksanakan atau dijalankan”, dan “officio” pula bermaksud “pejabat” atau “jawatan”.

Dengan mengkombinasikan takrifan *functus officio*, *Burton’s Legal Thesaurus*¹ dan *Black’s Law Dictionary*² mentakrifkan ungkapan tersebut sebagai:

“telah menyelesaikan fungsi, melaksanakan tugas, atau tujuan telah tercapai, dan dengan itu tiada lagi kuasa atau kekuatan”, dan “seseorang pegawai atau sesuatu pihak berkuasa yang mandatnya telah tamat sama ada telah sampai tempoh tamatnya atau kerana agensi tersebut telah menyelesaikan fungsinya sebagaimana tujuan ia diwujudkan”.

Ruby, C., *et al.*³ juga memberikan takrifan yang serupa, iaitu *functus officio* ialah, “... telah melaksanakan sesuatu tugas”.

Takrifan *functus officio* juga turut diberikan dan dihuraikan oleh pihak kehakiman dalam kes *Bedwell v Wood*,⁴ iaitu:

.... Suatu ungkapan yang tersirat kepada seseorang ejen atau penerima kuasa yang telah melaksanakan sesuatu tindakan yang dibenarkan dimana kini kuasanya itu telah habis dan telah tiba di penghujungnya..

PRINSIP, PEMAKAIAN DAN IMPLIKASI

Prinsip dan Pemakaian: Am

Dalam penghakiman, contohnya dalam kes *Chandler v Alberta Association of Architects*⁵, hakim Sopinka, menekankannya, sebagai peraturan umumnya,

1 Burton, W.C. (ed.) 2007. *Burton’s Legal Thesaurus*. New York: McGraw-Hill Companies, Inc

2 Garner B.A. (ed.) 2012. *Black’s Law Dictionary*. Edisi Ke-9. http://ebookey.org/Black-s-Law-Dictionary-Standard-Ninth-Edition_717407.html#Zglp9f1alPyaOZ7S.99

3 Ruby, C., *et al.*, 2008. *Sentencing*. Edisi ke-7. Toronto: LexisNexis.

4 918770 2 *QBD* 626.

5 [1989] 2 *SCR* 848.

bahawa sesuatu keputusan muktamad sesuatu mahkamah tidak boleh lagi dibuka semula. “Aturan tersebut terpakai hanya selepas keputusan rasmi telah dibuat, dikeluarkan dan dikemukakan...”.

Di Malaysia, prinsip berkaitan pemakaian *functus officio* ada diperuntukkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *New India Assurance Co. Ltd v Karam Singh*.⁶ Hakim Gill menyatakan⁷,

Dengan itu, sebaik sahaja seseorang presiden⁸ mensabitkan seseorang yang didakwa atas sesuatu kesalahan di hadapannya, dia adalah *functus officio*, dan tidak lagi boleh membatalkan hukuman atau membicarakan semula kes itu. Begitulah juga, apabila beliau membicarakan sesuatu kes sivil dan telah membuat sesuatu perintah (keputusan) yang muktamad atas sesuatu pertikaian antara pihak-pihak, maka dia *functus officio* dan tidak boleh lagi membatalkan dan membicarakan semula kes itu, atau membicarakan tindakan berikutnya yang melibatkan pihak yang sama atas perkara pokok yang sama. Dalam kes sekarang, presiden menjadi *functus officio* dalam hal berkenaan yang sebelum itu beliau menolak permohonan plaintif untuk pengembalian semula kes, tetapi dia tentunya tidak menjadi *functus officio* dalam hal berkaitan pertikaian sebenar antara pihak-pihak yang beliau sendiri tidak pernah mengendalikannya, iaitu berkenaan isu sama ada plaintif berhak atau tidak untuk mendapat semula wang yang dikatakan telah dibayar kepada defendan disebabkan kekhilafan fakta. Dengan kata lain, dia tidak *functus officio* berkaitan isu antara pihak yang sama dalam tindakan undang-undang yang kedua. Beliau telah salah dalam menolak tindakan undang-undang tersebut.

Dengan demikian, seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan Kanada dalam kes *Mena Narvaez & YL v Menteri Kewarganegaraan dan Imigresen, Kanada*⁹, hakim menyatakan bahawa, “Prinsip *functus officio* berasaskan kemuktamadan keputusan dan bidang kuasa. Sebaik sahaja sesuatu keputusan dicapai, ditandatangani dan disampaikan kepada pihak-pihak, maka kes ini tidak boleh dibuka semula”.

Dalam kes *Minister of Agricultural Economics and Marketing v Virginia Cheese and Food Co. (1941) (Pty.) Ltd.*¹⁰ mahkamah menekankan bahawa apabila pihak kehakiman atau kuasi-kehakiman telah membuat keputusan maka mahkamah atau pegawai yang membuat keputusan tersebut dikira telah bertindak secara *functus officio*.

6 [1992] 1 LNS 155

7 1992] 1 LNS 155, hlm.. 156-57.

8 Beliau merujuk keputusan presiden Mahkamah Sesyen, yang kini dipanggil “hakim” Mahkamah Sesyen.

9 (2009) FC 514. Ottawa, Ontario, Kanada 21 Mei 2009.

10 1961 (4) S. A. 415.

Pengecualian

Peraturan umumnya adalah seperti yang dinyatakan dalam kes *Paulin v Paulin & SL*,¹¹ Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa sesuatu mahkamah boleh meminda keputusannya pada bila-bila masa sebelum keputusannya lengkap, iaitu sebelum keputusan tersebut ditandatangani, dimeterai dan disampaikan

Hakim Sopinka dalam kes *Chandler v Alberta Association of Architects*¹² pula menyatakan bahawa terdapat kekecualian dalam aplikasi *functus officio*, iaitu terdapat kesilapan atau tersasar semasa mencatat keputusan, dan terdapatnya kesilapan dalam penyampaian apa-apa yang sebenarnya ingin dimanifestasikan oleh mahkamah”.

Dalam hal yang pertama, yakni berkaitan dengan “membaiki kesilapan”, pernah dibincangkan dan diputuskan oleh pihak kehakiman di Malaysia dalam kes *OCBC Bank (Malaysia) Bhd lwn Delightful Strength Sdn Bhd*,¹³ iaitu apabila hakim James Fong menyatakan bahawa,

Pertama saya perlulah menguruskan perkara pembelaan atas *functus officio*. ... Pengusulan umum bahawa mahkamah yang sama yang mengeluarkan perintah untuk jualan tidak lagi mempunyai kuasa untuk meminda atau mengubah perintahnya sendiri itu yang telah disempunakannya tidaklah terpakai terhadap apa-apa cadangan pindaan yang dibuat di bawah aturan membaiki kesilapan di bawah Perintah 20 Aturan 11 Aturan-aturan Mahkamah Tinggi .

Didapati dalam kes *Oriental Bank Bhd lwn Syarikat Zahidi Sdn Bhd*¹⁴ hakim RK Nathan telah membenarkan pembetulan atas dasar kaedah pembetulan kesilapan, iaitu apabila satu perintah jualan dalam tindakan perampasan harta telah tidak menyatakan tarikh lelongan.

Mahkamah dalam kes *Vishnu Agarwal v State of U.P. & ANR*¹⁵ telah secara nyata berpegang pada prinsip asas undang-undang bahawa sebaik sahaja sesuatu perkara telah diputuskan secara muktamad oleh sesuatu mahkamah, maka mahkamah tersebut telah *functus officio*, kecualilah ada peruntukan khusus menyatakan sebaliknya. Dikatakan selanjutnya¹⁶ bahawa apabila telah *functus officio*, maka mahkamah tersebut tidak berhak lagi (yakni tidak lagi mempunyai kuasa) untuk melayan apa-apa tuntutan baharu yang serupa. Selanjutnya ditekankan¹⁷ bahawa mahkamah menjadi *functus officio* sebaik sahaja keputusan tersebut ditandatangani oleh pihak

11 [2009] *EWCA* Civ 221.

12 [1989] 2 *SCR* 848.

13 [2004] 3 *CLJ* 297.

14 [1999] 2 *AMR* 1805; [1999] 1 *CLJ* 810.

15 Mahkamah Rayuan Allahabad No. 1323/2004.23 Februari 2011.

16 Mahkamah Rayuan Allahabad No. 1323/2004.23 Februari 2011.

17 Mahkamah Rayuan Allahabad No. 1323/2004.23 Februari 2011.

mahkamah, dan perintah tersebut tidak boleh lagi dipinda kecuali bagi membetulkan kesilapan perkeranian dan aritmetik.

Menurut keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Hock Hua Bank Bhd. lwn Sahari B. Murid*¹⁸ apabila sesuatu keputusan kehakiman telah dikeluarkan dan lengkap, maka mahkamah tersebut tidak lagi mempunyai bidang kuasa untuk mengetepikan atau meminda keputusan tersebut dalam satu tindakan yang sama kerana mahkamah tersebut telah pun *functus officio*. Mahkamah yang sama dalam kes tersebut, dan juga Mahkamah Persekutuan dalam kes *Badiaddin Mohd. Mahidin & Anor lwn Arab Malaysia Finance Bhd*¹⁹ memutuskan bahawa suatu Mahkamah Tinggi tidak boleh mengetepikan keputusan muktamad yang telah diperoleh oleh pihak daripada Mahkamah Tinggi yang lain.

Pemakaian dalam Bidang Khusus

Salah satu daripada pemakaian *functus officio* secara khusus dapat dilihat dalam Akta Timbang Tara 2005.²⁰ Seksyen 36 Akta memperuntukkan seperti yang berikut:

36(1) Suatu award yang dibuat oleh tribunal timbang tara menurut suatu perjanjian timbang tara adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak dan mana-mana pihak boleh bergantung padanya sebagai pembelaan, tolakan atau selainnya dalam apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah.

(2) Tribunal timbang tara tidak boleh mengubah, meminda, membetulkan, mengkaji semula, menambah kepada atau membatalkan award yang telah dibuat kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara khusus dalam seksyen 35.

Seksyen 35 Akta ini memperuntukkan seperti yang berikut:

35(1) Suatu pihak, dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan award, melainkan jika apa-apa tempoh masa yang lain telah dipersetujui oleh pihak-pihak:

(a) dengan notis kepada pihak yang satu lagi, boleh meminta tribunal timbang tara untuk membetulkan dalam award itu apa-apa kesilapan pengiraan, apa-apa kesilapan perkeranian atau kesilapan taipan, atau kesilapan lain yang seumpamanya; atau

(b) dengan notis kepada dan dengan persetujuan pihak yang satu lagi, boleh meminta tribunal timbang tara untuk memberikan suatu tafsiran tentang suatu perkara tertentu atau sebahagian daripada award itu.

¹⁸ [1981] 1 *MLJ* 143.

¹⁹ [1998] 2 *CLJ* 75.

²⁰ Akta 646. Berkuat kuasa mulai 15 Mac 2006.

(2) Jika tribunal timbang tara berpendapat permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) sebagai berasas, tribunal timbang tara itu hendaklah membuat pembetulan atau memberi tafsiran dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan permintaan itu dan tafsiran itu hendaklah menjadi sebahagian daripada award.

(3) Tribunal timbang tara boleh membetulkan apa-apa jenis kesilapan yang disebut dalam perenggan (1)(a) atas inisiatifnya sendiri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh award itu.

(4) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak, suatu pihak boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan award dan dengan notis kepada pihak yang satu lagi, meminta tribunal timbang tara membuat suatu award tambahan tentang tuntutan yang dikemukakan dalam prosiding timbang tara itu tetapi tertinggal daripada award.

(5) Jika tribunal timbang tara berpendapat permintaan di bawah subseksyen (4) sebagai berasas, tribunal timbang tara itu hendaklah membuat award tambahan dalam masa enam puluh hari dari penerimaan permintaan itu.

(6) Tribunal timbang tara boleh, jika difikirkannya perlu, melanjutkan tempoh masa yang dalamnya ia hendaklah membuat suatu pembetulan, tafsiran atau award tambahan di bawah seksyen ini.

(7) Peruntukan seksyen 33²¹ hendaklah terpakai bagi suatu pembetulan atau tafsiran award atau bagi suatu award tambahan.

Dalam kes *Michaels v Mariforum Shipping*²², mahkamah membuat pendirian bahawa jika sesuatu penimbang tara atau tribunal timbang tara hanya membuat keputusan sementara (interim), maka keputusan (award) tersebut belum lagi muktamad, dan dengan itu mahkamah tidak boleh

21 33 (1) Suatu award hendaklah dibuat secara bertulis dan tertakluk kepada subseksyen (2) hendaklah ditandatangani oleh penimbang tara.

(2) Dalam prosiding timbang tara yang terdapat lebih daripada seorang penimbang tara, tandatangan majoriti daripada semua anggota tribunal timbang tara itu hendaklah mencukupi dengan syarat bahawa sebab bagi mana-mana peninggalan tandatangan dinyatakan.

(3) Suatu award hendaklah menyatakan sebab yang award itu diasaskan, melainkan jika:

(a) pihak-pihak telah bersetuju bahawa tiada sebab hendak diberikan; atau

(b) award itu ialah suatu award mengikut terma yang dipersetujui di bawah seksyen 32.

(4) Suatu award hendaklah menyatakan tarikhnya dan tempat timbang tara sebagaimana yang ditentukan mengikut seksyen 22 dan hendaklah disifatkan telah dibuat di tempat itu.

(5) Selepas suatu award dibuat, salinan award itu yang ditandatangani oleh penimbang tara mengikut subseksyen (1) dan (2) hendaklah dihantar kepada setiap pihak.

(6) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam perjanjian timbang tara, tribunal timbang tara boleh:

(a) mengaward faedah atas apa-apa jumlah wang yang diperintahkan supaya dibayar oleh suatu award dari tarikh award itu hingga tarikh penyelesaian; dan

(b) menentukan kadar faedah.

22 624 F.2d 411, 414 (2nd Cir. 1980).

campur tangan dengan cara membuat semakan kehakiman. Oleh yang demikian, dalam kes timbang tara, sesuatu award dikira muktamad jika telah siap diputuskan oleh penimbang tara atau tribunal penimbang tara atas segala tuntutan yang menjadi pertikaian yang dirujukkan kepadanya. Pada amnya, sesuatu tuntutan (yang menjadi pertikaian) dalam sesuatu kes timbang tara dikira muktamad apabila penimbang tara atau tribunal penimbang tara bukan sahaja telah memutuskan perkara yang menjadi isu pertikaian, tetapi juga isu berkaitan dengan ganti rugi²³ atau memutuskan perkara pokok berkaitan dengan pertikaian yang dirujuk kepada penimbang tara tersebut untuk diselesaikan.

Seterusnya aplikasi *functus officio* juga terdapat dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.²⁴ Perkara ini berkaitan dengan “keputusan Tribunal adalah muktamad”, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 16AC Akta:

16AC(1) Tiap-tiap penyelesaian yang dipersetujui yang direkodkan oleh Tribunal di bawah subseksyen 16T(3) dan tiap-tiap award yang dibuat oleh Tribunal di bawah seksyen 16Y:

(a) adalah muktamad dan mengikat semua pihak dalam prosiding;

(b) hendaklah disifatkan sebagai suatu perintah Mahkamah Majistret dan dikuatkuasakan dengan sewajarnya oleh mana-mana pihak bagi prosiding itu.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), Setiausaha kepada Tribunal hendaklah menghantar suatu salinan award yang dibuat oleh Tribunal kepada Mahkamah Majistret yang mempunyai bidang kuasa di tempat yang award itu berhubungan atau di tempat di mana award telah dibuat dan mahkamah hendaklah menyebabkan salinan itu direkodkan.

Aplikasi *functus officio* juga terdapat dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999.²⁵ Perkara ini berkaitan dengan “keputusan Tribunal adalah muktamad”, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 116 dan 115 dalam Akta:

116(1) Tiap-tiap penyelesaian yang dipersetujui yang direkodkan oleh Tribunal di bawah subseksyen 107(3) dan tiap-tiap award yang dibuat oleh Tribunal di bawah seksyen 112:

hendaklah muktamad dan mengikat semua pihak kepada prosiding itu; dan hendaklah disifatkan sebagai perintah Mahkamah Majistret dan dikuatkuasakan sewajarnya oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu.

²³ 624 F.2d di hlm. 413-14. Lihat juga *Legion Ins. Co. v VCV, Inc.* 198 F.3d 718 (8th Cir. 1999).

²⁴ Akta 118. Berkuat kuasa mulai 29 Ogos 1966. Namun penubuhan Tribunal ini di bawah Akta pindaan A1142 yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2002.

²⁵ Akta 599. Berkuat kuasa mulai 19 November 1999.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), Setiausaha kepada Tribunal hendaklah menghantar satu salinan award yang dibuat oleh Tribunal kepada Mahkamah Majistret yang mempunyai bidang kuasa di tempat yang dengannya award itu berkaitan atau di tempat award itu dibuat dan Mahkamah itu hendaklah menyebabkan salinan itu direkodkan.

115. Tribunal hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat suatu rekod bertulis bagi terma:

(a) tiap-tiap penyelesaian yang dipersetujui yang dicapai oleh pihak-pihak di bawah subseksyen 107(3); dan

(b) tiap-tiap award yang dibuatnya di bawah seksyen 112.

Akta Pengambilan Tanah 1960²⁶ juga mempunyai peruntukan berkaitan dengan aplikasi dan implikasi kepada prinsip *functus officio*. Menurut peruntukan seksyen 14(1) Akta, apabila selesai siasatan di bawah seksyen 12 maka Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan award bertulis. Seterusnya di bawah seksyen 14(2) pula, award yang disediakan hendaklah muktamad.

Di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967²⁷ pula, menurut peruntukan seksyen 30(1) Akta, Mahkamah Perusahaan mempunyai kuasa membuat award, seterusnya menurut peruntukan seksyen 30(8) Akta, award Mahkamah Perusahaan hendaklah ditandatangani oleh Presiden Mahkamah, di bawah seksyen 30(9) Mahkamah Perusahaan boleh membetulkan mana-mana awardnya bagi apa-apa kesilapan perkeranian atau khilaf yang timbul daripada mana-mana kesilapan atau ketinggalan tidak sengaja. Dalam kes *Frederick Toan Chuan Sien lwn Kuching Educational Services Sdn Bhd*,²⁸ fakta yang relevan adalah seperti yang berikut:

Responden kedua telah membuat award dengan memberikan kepada pemohon bayaran tunggakan gaji berjumlah RM26 400 yang perlu dibayar oleh responden pertama kepada pemohon. Kemudiannya, atas permohonan responden pertama, responden kedua telah membuat award dengan membatalkan award yang pertama dan mengarahkan suatu pendengaran kes dibuat. Pemohon kemudiannya memohon kepada mahkamah untuk mengetepikan award kedua tersebut atas alasan responden kedua telah *functus officio* selepas membuat award yang pertama, dan tidak boleh lagi mengetepikan award pertama dan membuat award yang kedua. Hakim Linton Albert ada menyatakan:

Dengan itu, prinsip *functus officio* tidaklah terpakai sebab pertikaian sebenar belum lagi dibicarakan²⁹ dan penentuan muktamad berkaitannya belum lagi

²⁶ Akta 486. Berkuatkuasa mulai 13 Oktober 1960.

²⁷ Akta 177.

²⁸ Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Kuching: JR-15-2009-III. 18 Jun 2010.

²⁹ Yakni sebelum award pertama dibuat.

dibuat. Dengan itu permohonan (untuk semakan oleh mahkamah) adalah gagal ...sebab semakan kehakiman adalah mengenai proses membuat keputusan dan bukan berkaitan keputusan itu sendiri”.³⁰

Kanun Prosedur Jenayah

Sebagai kajian perbandingan, seperti yang diputuskan dalam kes *Hari Singh Mann lwn Harbhajan Singh Bajwa*,³¹ seksyen 362 Kanun Prosedur Jenayah (India) menekankan bahawa sesuatu mahkamah yang telah menandatangani keputusannya atau perintah muktamad menyelesaikan kes telah dibuat tidak boleh lagi meminda atau menyemak semula keputusannya kecuali bagi membetulkan kesilapan perkeranian atau aritmetik. Di Malaysia, seksyen 278 Kanun Prosedur Jenayah³² memperuntukkan bahawa mana-mana mahkamah, selain Mahkamah Tinggi, yang telah merekodkan keputusannya, tidak lagi boleh meminda atau menyemak semula keputusan tersebut, kecuali bagi tujuan memperbaiki apa-apa kesilapan (yang hanya boleh dilakukan sebelum berakhirnya perbicaraan pada hari tersebut).

Hal Pentadbiran dan Pengurusan

Dalam hal tribunal pentadbiran, nampaknya prinsip *functus officio* mempunyai satu lagi “kelonggaran”, iaitu atas alasan keadilan asasi. Yang dimaksudkan di sini adalah bagi sesuatu kes pentadbiran, sesuatu keputusan (yang nampaknya telah muktamad) masih boleh dibuka semula jika perlu, atas prinsip keadilan asasi. Perkara ini dibangkitkan oleh hakim Nadon dalam kes *Zelzle v Canada (Minister of Citizenship and Immigration)*.³³ Beliau merujuk keputusan hakim Sopinka³⁴ yang menyatakan bahawa sesuatu keputusan sedemikian boleh dipinda jika statut tertentu membenarkannya atau wujud kesilapan atau kesalahan. Hakim Nadon menyatakan bahawa:³⁵

... kekecualian pelanggaran keadilan asasi’ bagi prinsip *functus officio* diwujudkan bagi membolehkan tribunal pentadbiran membuka semula sesuatu prosiding jika ia mendapati prosiding pendengaran sesuatu permohonan telah dilakukan dengan tidak mematuhi kaedah keadilan asasi, dan dengan itu tribunal pentadbiran tersebut bolehlah menganggap keputusannya yang terdahulu itu sebagai tidak sah dan dengan itu menimbang semula perkara tersebut.... Dalam masa prinsip *functus officio* ada kaitannya dengan

30 Beliau merujuk keputusan kes *Micheal Lee Fook Wah lwn Menteri Sumber Tenaga Manusia, Malaysia & SL* [1998] 1 CLJ 227

31 AIR 2001 SC 43. Perenggan 10 penghakiman.

32 Akta 593.

33 [1996] 3 FC 20 (T.D.).

34 *Paper Machinery Ltd. lwn J.O. Ross Engineering Corp.* [1934] SCR 186.

35 [1996] 3 FC 20 (T.D.), hlm. 34-37.

kemuktamadan prosiding, aplikasinya adalah lebih fleksibel dalam kes tribunal pentadbiran...

KESIMPULAN

Bagi membolehkan doktrin *functus officio* dipakai, elemen bahawa perintah itu mestilah “muktamad” perlulah wujud. Maknanya wujud keputusan yang lengkap yang dibuat oleh sesuatu tribunal, kehakiman atau pihak kuasi-kehakiman tersebut. Selanjutnya sebaik sahaja mahkamah, atau tribunal, atau pihak kuasi-kehakiman memberikan keputusannya, maka tindakan ini dikira *functus officio*, dan tidak boleh lagi dikaji semula kes tersebut.

Doktrin *functus officio* dengan itu mempunyai satu pengecualian, yakni jika sesuatu mahkamah atau tribunal atau pihak yang mempunyai kuasa kuasi-kehakiman mendapati terdapat kesilapan perkeranian seperti kesilapan taipan, maka bolehlah dibaiki atau dibetulkan. Namun begitu, dalam hal pengurusan atau pentadbiran, satu lagi kekecualian yang dilebarkan adalah apabila wujudnya isu pematuhan hak keadilan asasi, maka keputusan pentadbiran tersebut masih boleh dipinda secara wajar.

RUJUKAN

Akta 593 Kanun Prosedur Jenayah.

Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Akta Pengambilan Tanah 1960.

Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Akta Timbang Tara 2005.

Badiaddin Mohd. Mahidin & Anor *lwn* Arab Malaysia Finance Bhd [1998] 2 *CLJ* 75.

Bedwell v Wood 918770 2 *QBD* 626.

Burton, W.C. (ed.) 2007. *Burton's Legal Thesaurus*. New York: McGraw-Hill Companies, Inc.

Chandler v Alberta Association of Architects [1989] 2 *SCR* 848.

Frederick Toan Chuan Sien *lwn* Kuching Educational Services Sdn Bhd Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak, Kuching : JR-15-2009-III. 18 Jun 2010.

Garner B.A. (ed.), 2012. *Black's Law Dictionary*. Edisi Ke-9. <http://>

- ebookey.org/Black-s-Law-Dictionary-Standard-Ninth-Edition_717407.html#Zglp9f1alPyaOZ7S.99.
- Hari Singh Mann *lwn* Harbhajan Singh Bajwa AIR 2001 SC 43. Perenggan 10 penghakiman.
- Hock Hua Bank Bhd. *lwn* Sahari B. Murid [1981] 1 MLJ 143.
- Mena Narvaez & YL v Menteri Kewarganegaraan dan Imigresen, Kanada (2009) FC 514. Ottawa, Ontario, Kanada 21 Mei 2009.
- Michaels v Mariforum Shipping 624 F.2d 411, 414 (2nd Cir. 1980).
- Minister of Agricultural Economics and Marketing v Virginia Cheese and Food Co. (1941) (Pty.) Ltd. 1961 (4) S. A. 415.
- New India Assurance Co. Ltd v Karam Singh [1992] 1 LNS 155.
- OCBC Bank (Malaysia) Bhd *lwn* Delightful Strength Sdn Bhd [2004] 3 CLJ 297.
- Oriental Bank Bhd *lwn* Syarikat Zahidi Sdn Bhd [1999] 2 AMR 1805; [1999] 1 CLJ 810.
- Paulin *lwn* Paulin & SL [2009] EWCA Civ 221.
- Ruby, C. *et al.*, 2008. *Sentencing*. Edisi ke-7. Toronto: LexisNexis
- Vishnu Agarwal v State of U.P. & ANR Mahkamah Rayuan Allahabad No. 1323/2004. 23 Februari 2011.
- Zelzle v Canada (Minister of Citizenship and Immigration) [1996] 3 F.C. 20 (T.D.).